

Hubungan Linguistik Variasi Melayu Sekadau, Kuching dan Saribas: Suatu Hipotesis Awal

The Linguistic Relationship of Sekadau, Kuching and Saribas Malay: A Preliminary Hypothesis

CHONG SHIN

ABSTRAK

Makalah ini menganalisis hubungan kekerabatan tiga variasi Melayu di tiga kawasan yang berbeza di Borneo Barat, iaitu Sekadau (Kalimantan Barat, Indonesia), Kuching dan Saribas (Sarawak). Adalah suatu hakikat bahawa faktor geografi mendorong pembentukan berbagai variasi bahasa dan dialek. Untuk kes variasi Melayu Sekadau, Kuching dan Saribas, ketiga-tiga dialek ini sesungguhnya dipisahkan oleh berbagai bentuk muka bumi yang rencam, iaitu sungai-sungai, banjaran, hutan belantara, bukit-bukit dan paya. Daripada segi hubungan, penutur di Kuching dan Saribas tiada hubungan sosial dengan penutur di Sekadau. Namun hasil analisis dan perbandingan linguistik menunjukkan kadar persamaan linguistik antara ketiga-tiga variasi ini sangat tinggi. Ini menimbulkan persoalan mengapa terdapat hubungan linguistik yang dekat sedangkan terdapat pemisahan geografi, dan tiada hubungan sosial dalam kalangan penuturnya. Untuk menghuraikan fenomena ini, penulis menggunakan hipotesis Nothofer (1997), iaitu terdapat satu rantaian bahasa-bahasa Melayik di Borneo Barat. Bahasa yang memaparkan ciri bunyi /-h/ > /-ʔ/, pengguguran /h/ pada awal kata, penambahan /-ʔ/ di akhir kata tertentu dan /-k/ berkontras dengan /-ʔ/ adalah bahasa dalam Rantaian Bahasa Melayik Borneo Barat. Variasi Melayu Sekadau, Kuching, Saribas merupakan ahli rantaian kerana memiliki ciri-ciri linguistik ini. Diandaikan bahawa variasi-variasi dalam rantaian ini berasal daripada bahasa Melayik Purba dan migrasi purba pernah berlaku dalam kalangan penuturnya sehingga membentuk landskap persebaran seperti hari ini.

Kata kunci: Variasi Melayu; faktor geografi; rantaian bahasa

ABSTRACT

This article analyses the relationship of Malay variations spoken in three different regions of Western Borneo, namely Sekadau (West Kalimantan, Indonesia), Kuching and Saribas (Sarawak). It is a fact that the formation or distribution of dialects may be affected by the geography factor. For the case of Sekadau, Kuching and Saribas variations, these three locations are separated by rivers, mountain range, jungle, hill and swamp. It is also observed that there is no social connection among the speaker of Kuching and Saribas with the people resided in Sekadau. Nevertheless, the linguistic comparative analysis reveals, the Sekadau, Kuching and Saribas variations exhibited a high degree of similarity. The question is, why such variations are not being halted by natural geographical features? To explain this phenomenon, the author applied Nothofer (1997), hypothesis about the existence of Western Borneo Malayic Language Chain. Based on this hypothesis, the language that exhibited the characteristic of /-h/ > /-ʔ/; the deletion of /h-/; the adding of /-ʔ/ in word-final position; and, /-k/ and /-ʔ/ are two distinct phonemes, considered as the member in this language chain. The research concluded that Malay variations in Sekadau, Kuching and Saribas are equipped with linguistic features claimed to be the member of the Western Borneo Malayic Language Chain. This study assumes that the variations in this chain are derived from the Ancient Malay language where the speakers are not affected despite being separated due to geographical factors.

Keywords: Malay variations; geographical factors; language chain

PENGENALAN

Dalam kajian bahasa, kita selalu akan berdepan dengan empat istilah yang berbeza, iaitu “bahasa”, “dialek”, “aksen” dan “loghat”. Keempat-empat

istilah ini dapat dibezakan melalui takrifan pada konsep “statusnya”. “Bahasa” merupakan “dialek-dialek” yang mengalami pengembangan (biasanya melalui politik dan badan perancangan) dan dimartabatkan sebagai bahasa pengantar

umum. Istilah “dialek” pula bersifat regional dan mempunyai lingkungan pertuturan yang agak terbatas. Pada luar sempadan sesuatu dialek, akan ada dialek lain yang menggantikan peranannya. Dialek juga merujuk kepada ragam yang berbeza daripada segi nahu, khususnya fonologi dan daripada segi status, dialek dianggap berstatus “rendah”. Istilah “aksen” atau “telor” adalah cara seseorang individu menyebut perkataan-perkataan dengan sebutan yang tersendiri; lihat Chambers & Trudgill (1990). Di Kalimantan Barat (Indonesia), masyarakat lebih cenderung melabel semua “dialek” sebagai “bahasa”, contohnya terdapat istilah “bahasa Melayu Sekadau”, “bahasa Melayu Sintang”, “bahasa Melayu Sanggau”, “bahasa Melayu Kapuas Hulu” dan sebagainya. Daripada perspektif dialektologi, kesemua “bahasa-bahasa” ini sebenarnya bertaraf “dialek” kerana terdapat persamaan-persamaan tertentu, pada masa yang sama juga terdapat perbezaan daripada segi sebutan, kosa kata, semantik dan sebagainya. Menyingkap persamaan dan perbezaan bahasa di bawah konsep “dialek”, dialek/ragam bahasa wujud kerana faktor geografi. Ini sejajar dengan huraian Chambers & Trudgill (1990) tentang kontinum-kontinum dialek geografis, iaitu:

“apabila kita meneliti dialek-dialek yang dituturkan oleh kaum-kaum desa di beberapa kawasan di dunia ini, kita nescaya akan bertemu dengan situasi-situasi seperti yang berikut: Jika kita mengembara dari desa ke desa menuju ke satu arah tertentu, kita akan melihat perbezaan-perbezaan bahasa yang membezakan antara satu desa dengan satu desa yang lain. Adakalanya perbezaan bahasa itu banyak adakalanya sedikit. Perbezaan-perbezaan ini bersifat kumulatif. Semakin jauh kita mengembara dari tempat permulaan, kita akan dapati perbezaan bahasa dari desa ke desa itu semakin banyak”.

Sesungguhnya alam Borneo amat luas dan bersifat multi-kultural serta multilingual. Wilayah ini merupakan medan yang ideal untuk menguji pelbagai teori sains sosial. Kekayaan ilmu pengetahuan di Borneo dipercayai di luar bayangan kita. Ini boleh dirujuk pada hujah yang dikemukakan oleh Jehom (1999) iaitu: “...kompleksiti etnik dan identiti di [Sarawak, Borneo] berada di tahap yang tidak koresponden dengan pendekatan antropologi Barat, misalnya pendekatan antropolog, iaitu Barth”. Makalah ini yang membincangkan isu dialek dan persebarannya di Borneo Barat mendapati bahawa selain kompleks daripada segi dialek kontemporari, variasi-variasi bahasa ini bahkan mempunyai pertalian dengan aspek sejarawi. Sebagai

perbincangan, makalah ini memilih variasi Melayu Kuching, variasi Melayu Saribas dan variasi Melayu Sekadau untuk membincangkan hubungan ini.

PERMASALAHAN KAJIAN

Dalam lingkungan Borneo Barat (mencakupi bahagian barat Sarawak (Malaysia) dan Kalimantan Barat, Indonesia) yang kompleks daripada segi bahasa dan variasi, satu fenomena yang belum diteliti secara tuntas ialah kewujudan rantaian-rantaian bahasa tertentu. Rantaian bahasa ini terbentuk bukan kerana faktor kedekatan daripada segi kedudukan geografi. Sebagai contoh, bahasa Melayu Brunei di utara Pulau Borneo didapati berkerabat dekat dengan bahasa Melayu Sambas (Jaludin Chuchu 2003) yang terletak di bahagian Barat Pulau Borneo. Begitu juga dengan bahasa Melayu Berau yang dituturkan di Kalimantan Timur, bahasa ini juga mempunyai pertalian dengan bahasa Melayu Brunei dan Sambas; lihat Collins (1994), Nothofer (1994) dan Jaludin Chuchu (2003). Bahasa Melayu Brunei yang dituturkan di utara Borneo bahkan digolongkan dalam cabang Melayu Borneo Timur (East Borneo Malay); lihat Collins (dlm Jaludin Chuchu 2003). Fenomena wujud kekerabatan linguistik antara ketiga-tiga bahasa Melayu, meskipun dipisahkan oleh berbagai bentuk muka bumi yang rencam (banjaran gunung, sungai-sungai, paya, hutan belantara dan sebagainya), dijelaskan oleh Nothofer (1996) ada kaitan dengan teori migrasi purba. Penutur-penutur Melayu purba diandaikan bermigrasi dari Barat ke Timur dalam Pulau Borneo, dari tanah asal mereka, iaitu Borneo Barat. Situasi persebaran bahasa yang kita saksikan hari ini adalah hasil daripada migrasi purba.

Berkenaan dengan kemungkinan wujud rantaian dialek di Borneo Barat yang disebutkan sebelum ini, penulis pernah memerhatikannya ketika melakukan kajian lapangan, baik di Sarawak mahupun di Kalimantan Barat. Variasi Melayu Sekadau, Kuching dan Saribas adalah contoh yang paling nyata. Variasi-variasi Melayu ini menunjukkan persamaan dan berkerabatan tetapi tiada kontak sosial dalam kalangan penutur-penuturnya kerana pemisahan geografi. Makalah ini akan menjurus kepada perbandingan ketiga-tiga variasi Melayu ini dan menggunakan hipotesis Nothofer (1997) yang mengatakan terdapat Rantaian Dialek atau Bahasa wujud di Borneo Barat.


OBJEKTIF KAJIAN

Berdasarkan permasalahan yang dibentangkan di atas, kajian ini dilaksanakan untuk mencapai dua tujuan, iaitu:

1. Membuktikan faktor geografi tidak mengekang pembentukan kekerabatan antara variasi Melayu Sekadau, Kuching dan Saribas.
2. Mengukuhkan lagi hipotesis Rantaian Bahasa di Pulau Borneo.

LOKASI SEKADAU, KUCHING DAN SARIBAS

Peta 1 berikut adalah lokasi Sekadau, Kuching dan Saribas yang dibincangkan dalam kajian ini. Setiap lokasi ini akan dikupas daripada segi letakkan geografi dan status dialek Melayunya. Untuk memastikan keselarasan, penulis menggunakan istilah “variasi bahasa” sebagai pengganti untuk istilah “bahasa” atau “dialek”.



PETA 1. Lokasi Persebaran Variasi Melayu Sekadau, Kuching dan Saribas
Sumber: Diubah suai, Chong Shin 2012

SEKADAU

Pekan Sekadau terletak kira-kira 300 km dari Pontianak (Ibu kota Provinsi Kalimantan Barat). Pekan kecil ini dahulunya hanya dapat disinggahi dengan pengangkutan air iaitu melalui Sungai Kapuas. Terdapat dua kampung Melayu yang utama di hilir sungai Sekadau, iaitu Sungai Ayak dan Munggu'. Di sepanjang sungai Sekadau, terdapat banyak kampung Melayu seperti Nanga Taman, Nanga Mahap, Batu Pahat, Lembah Beringin, Batu Kambing, Teluk Kebau, Manonk Mawa, Tolok Pilin dan sebagainya. Menurut Chong (2012), variasi Melayu Sekadau adalah *lingua franca* di lembah sungai Sekadau. Variasi ini bukan sahaja digunakan sebagai bahasa ibunda oleh suku Melayu, juga digunakan oleh suku bukan Melayu. Sebagai contoh, interaksi antara suku Dayak – Cina; Melayu – Cina ataupun Melayu – Dayak. Variasi Melayu ini penting kerana terdapat lebih kurang 12 bahasa “Dayak” yang tidak saling memahami.

KUCHING

Variasi Melayu Kuching adalah bahasa ibunda kaum Melayu di lembangan Sungai Sarawak. Kuching adalah bandar utama di sungai ini dan juga ibu negeri Sarawak. Oleh kerana dituturkan di sekitar ibu negeri, secara tidak langsung variasi Melayu ini dianggap berstatus tinggi dan dituturkan sebagai bahasa pengantar umum di seluruh negeri Sarawak. Menurut Collins (1987), variasi Melayu di lembangan Sungai Sarawak tersebar dari muara hingga ke Bau dan Muara Tuang. Sempadan variasi ini ialah di Tanjong Bundong. Selepas sempadan wilayah itu, iaitu ke arah timur, variasi Melayu Saribas menggantikan tempatnya sebagai *lingua franca*. Pada hakikatnya, variasi Melayu Kuching juga dituturkan di seluruh negeri Sarawak kerana penghijrahan penduduk, terutamanya berkaitan dengan aktiviti ekonomi. Umpamanya, penutur variasi Melayu Kuching hadir di Miri sejajar dengan

perkembangan industri gas asli dan petroleum; lihat Chong (2009).

SARIBAS

Seperti yang dinyatakan di atas, variasi Melayu Saribas dituturkan antara lingkungan Sungai Samarahan hingga ke Sungai Krian. Variasi Melayu Kuching yang merupakan *lingua franca* seluruh negeri Sarawak (lihat Azlan Mis 2010), tidak memainkan perannya di sini kecuali penggunaannya dalam situasi formal. Terdapat empat batang sungai utama yang menuturkan variasi Saribas, iaitu Batang Sadong, Batang Lupar, Sungai Saribas dan Sungai Krian. Kampung-kampung Melayu yang dikenal pasti di setiap sungai tersebut ialah: Sungai Sadong (Sebangan, Simunjan), Batang Lupar (Sebuyau, Lingga, Sri Aman), Sungai Saribas (Debak, Pusa', Beladin, Betong, Sebemban, Sepaoh, Maludam), Sungai Krian (Kabong, Kampung Prepat, Saratok).

Daerah Saribas terkenal dengan tanah paya di bahagian hilir sungai dan bergunung-ganang di kawasan hulu. Di bahagian muara, malah terdapat pantai yang berlumpur. Pada waktu-waktu tertentu, ombak besar (atau *benak*) akan memukul sehingga ke kawasan hulu dan membahayakan perahu-perahu (Pringle 1970). Faktor geografi yang rencam ini menjadikan kawasan Saribas tempat persembunyian untuk lanun-lanun yang menyerang kapal dagang British. Di samping itu, tempat ini juga sebagai tempat perlindungan oleh pemberontak-pemberontak (Melayu dan Iban) yang menentang penjajahan Rajah Brooke; lihat Keppel (1846). Daripada segi lingkungan persebaran, dikenal pasti sempadan variasi Melayu Saribas menjangkau ke Sungai Rejang sahaja. Di daerah yang ke arah timur, seperti sungai Kemena (Bintulu) dan lembah Baram (Miri), variasi Melayu Kuching digunakan sebagai bahasa interaksi.

GEJALA KETERPISAHAN GEOGRAFI TIGA VARIASI MELAYU

Ketiga-tiga bahasa yang dibincangkan dalam makalah ini ternyata dipisahkan oleh empat jenis bentuk muka bumi, iaitu sungai, hutan, paya dan banjaran gunung. Berikut adalah konseptual untuk pemisahan geografi tersebut.

ANTARA KUCHING DENGAN SARIBAS

Pada zaman dulu, lembah sungai Sarawak terpisah daripada lembah Saribas. Bentuk muka bumi utama

yang mengasingkannya ialah hutan, sungai dan paya. Berdasarkan Peta 1, terdapat beberapa batang sungai dan anak sungai antara kedua-dua daerah ini. Menurut Keppel (1846), oleh kerana diasingkan oleh bentuk muka bumi yang rencam ini, Saribas telah dimanfaatkan sebagai kubu untuk menentang penjajahan Rajah Brooke. Di kawasan hulu sungai Saribas pula, terdapat gunung-ganang iaitu tempat permulaan untuk Banjaran Kapuas Hulu.

ANTARA KUCHING DENGAN SEKADAU

Kedua-dua kawasan ini memperlihatkan keterpisahan yang tidak berkontinum. Dalam erti kata lain, tiada sebarang penghubung untuk kedua-dua kawasan ini. Walaupun sungai Sarawak berhulu di kawasan yang berhampiran dengan sempadan Kalimantan-Sarawak, namun kawasan hulu tersebut bukan tempat yang menuturkan variasi Melayu Sekadau. Penduduk di kawasan hulu sungai Sarawak ialah suku Bidayuh yang berbahasa Bidayuhik. Hulu sungai Sekadau terletak di bahagian Selatan, iaitu ke arah yang bertentangan dengan Sarawak. Antara lingkungan Kuching – Sekadau yang berjarak ratusan kilometer, terdapat berbagai bentuk muka bumi, antaranya ialah Banjaran Kapuas Hulu (dan juga sungai-sungai, hutan belantara dan juga oleh sempadan antarabangsa).


ANTARA SARIBAS DENGAN SEKADAU

Sama seperti situasi “Kuching – Sekadau”, lingkungan antara Saribas dan Sekadau juga dipisahkan oleh Banjaran Kapuas Hulu dan jenis bentuk muka bumi yang sama. Pada zaman sekarang yang pesat dengan pembangunan jalan raya, kedua-dua kawasan ini tetap sukar dijangkau kerana faktor jarak dan terhalang oleh sempadan politik. Hubungan antara Kalimantan dengan Saribas hanya wujud dalam kalangan penduduk di Kapuas Hulu yang memperdagangkan hasil tanaman mereka di Lubuk Antu dan Sri Aman. Sejarah perpindahan penutur Ibanik dari Kapuas hulu memasuki Sarawak juga berlaku suatu ketika dahulu; lihat Pringle (1970).

Berdasarkan penerangan ringkas di atas, ternyata ketiga-tiga daerah ini tidak berkontinum. Konseptual untuk hubungannya adalah seperti berikut:

CIRI LINGUISTIK

Bahagian ini membandingkan ketiga-tiga variasi Melayu untuk mengenal pasti persamaan dan perbezaannya. Perbandingan terfokus kepada aspek



bunyi dan kosa kata sahaja. Data variasi Melayu Sekadau dan Saribas yang dianalisis ini masing-masing dikumpulkan dari Munggu' (Sekadau) dan Bentong (Saribas). Manakala data variasi Melayu Kuching dirujuk daripada Collins (1987).

PERBEZAAN

1. Perbezaan Bunyi

Variasi Melayu Kuching, Saribas dan Sekadau masing-masing memaparkan kelainan daripada segi bunyi. Bunyi-bunyi yang dibincangkan di sini ialah /-ə-/, /-a-/, /-l/ dan /-aw/:

/-ə-/

Dalam ketiga-tiga variasi Melayu ini, variasi Melayu Sekadau menunjukkan bunyi [ɔ] pada posisi suku praakhir. Bunyi ini setara dengan [ə] dalam variasi di Kuching dan di Saribas. Contohnya:

Erti	Variasi Melayu		
	Kuching	Saribas	Sekadau
Betis	bətis	bətis	bətis
Debu	dəbu	dəbuw	dəbuw
Tenggelam	təŋələm	təŋələm	təŋələpm
Pergi	pəgi	pəgiy	pəgiy
Perut	pəyut	pəyut	pəyut

/-a/

Bagi bunyi /-a/ pada akhir kata, kedua-dua variasi Melayu Kuching dan Sekadau menunjukkan [-a] manakala dalam variasi Saribas menunjukkan [-o]. Berikut adalah contohnya:

Erti	Variasi Melayu		
	Kuching	Saribas	Sekadau
Dada	dada	dado	dada
Mata	mata	mato	mata
Nama	nama	namo	nama
Paha	pa:	po:	pa:ʔ
Muka	muka	muko	muka

/-l/

Begitu juga dengan /l/ pada akhir kata. Bunyi ini menjelma sebagai [-y] atau [-a] pada variasi Melayu Saribas. Variasi Melayu lain tetap sebagai [-l]. Contohnya:

Erti	Variasi Melayu		
	Kuching	Saribas	Sekadau
Timbul	timol	timbuy	timul
Bantal	bantal	bantay	bantal
Botol	botol	botuy	botol
Ketel	ketel	ketia	(ceyek)
Kail	kail	kaia	kail

2. Perbezaan Kosa Kata

Perbezaan kosa kata ketiga-tiga variasi Melayu ini ditinjau daripada: (i) Kata Benda (ii) Kata Kerja dan (iii) Kata Panggilan / keluarga. Perlu ditegaskan bahawa tidak banyak data yang ditampilkan di sini kerana ketiga-tiga variasi Melayu menunjukkan banyak persamaan daripada segi kosa kata (kecuali perbezaan sebutan).

a. Kata Benda

Erti	Variasi Melayu		
	Kuching	Saribas	Sekadau
Telur	təloy	təluay	təlu?
Sagu	sagu?	muluon	sagu?
Kolam	kolam	kolam	padon
Buluh	buloh	buloh	munti?
Pasir	pasey	pasia	kəysi?

b. Kata Kerja

Erti	Variasi Melayu		
	Kuching	Saribas	Sekadau
Ketawa	tawa?	ŋəta?	tawa?
Mengikat	ŋimpul	ŋikat	ŋobat
Menggosok	gusok	gosuok	gasak
Mengusap	ŋuyut	ŋusap	muys
Bertiup	bətiup	bətiup	ciup

c. Kata Panggilan / keluarga

Erti	Variasi Melayu		
	Kuching	Saribas	Sekadau
Kamu	kau	kita?	ikaw
Bapa	bapa?	opa?	ama
Nenek	ini?	makwo	ini?
Datuk	aki?	pakwo	Ayi
Bertiup	bətiup	bətiup	ciup

PERSAMAAN

1. Persamaan Bunyi

Walaupun memaparkan perbezaan bunyi-bunyi seperti di atas, ketiga-tiga variasi yang berbeza peletakan geografi didapati mempunyai persamaan daripada segi bunyi, khususnya bunyi /h-/, /-h/, penambahan bunyi /-ʔ/, /-k/ dan /-ʔ/ dan /-ŋ/ berubah menjadi /-n/. Berikut adalah penerangan yang lebih terperinci.

/h-/

Bunyi /h/ pada awal kata dalam ketiga-tiga variasi ini digugurkan. Dalam erti lain, jika dibandingkan dengan bahasa Indonesia atau bahasa Melayu Baku, kata-kata yang sebenarnya mengandungi /h/ akan dihilangkan dalam ketiga-tiga variasi Melayu ini. Contohnya:

Erti	Variasi Melayu		
	Kuching	Saribas	Sekadau
Hati	ati	atiy	atiy
Hujan	ujan	ujan	ujatn
Hulu	ulu	ulu	ulu
Hidup	idup	idup	idup
Hari	ayi	ayi	ayi

/-h/

Untuk kata yang berakhir dengan /h/ (seperti dalam bahasa Indonesia dan bahasa Melayu baku), terdapat kata-kata tertentu yang menjelmakan /-h/ menjadi /ʔ/. Perlu dijelaskan bahawa bukan semua kata mengalami penjelmaan yang sedemikian. Contohnya bunyi /-h/ pada kata *tanah*, *lintah*, *buah*, *pilih*, *darah*, *bunuh*, *kayuh*, tetap dikekalkan dalam semua variasi Melayu yang dikaji ini.

Erti	Variasi Melayu		
	Kuching	Saribas	Sekadau
Jatuh	gugu?	jatu?	jatu?
Basuh	-	basu?	baso?

Penambahan /-ʔ/

Pada kata-kata yang berakhir dengan vokal terbuka, terdapat gejala penambahan bunyi /ʔ/ ke atas sesetengah kata. Ciri ini dijumpai pada semua variasi bahasa yang dibincangkan, contohnya:

Erti	Variasi Melayu		
	Kuching	Saribas	Sekadau
Kepala	pala?	pala?	pala?
Mandi	mandi?	mandi?	mani?
Tuli	tuli?	(bəŋay)	tuli?
Tangga	taŋa?	taŋa?	taŋa?

Berikut adalah kata-kata yang tidak ditambah dengan bunyi /ʔ/

Erti	Variasi Melayu		
	Kuching	Saribas	Sekadau
Gigi	gigi	gigi	gigi
Laki	laki	laki	laki
Bini	bini	bini	bini

/k/ dan /ʔ/ Bertentangan

Daripada segi sebutan, bunyi /k/ dan /ʔ/ kedengaran seakan-akan sama kerana kedudukan titik artikulasi kedua-dua bunyi ini berada di belakang rongga mulut dan merupakan bunyi plosif. /k/ dibunyikan dengan titik artikulasi langit lembut manakala /ʔ/ dibunyikan pada titik artikulasi glotal. Untuk masyarakat luar yang tidak terbiasa dengan bahasa di Borneo Barat, mereka akan berasa keliru dengan kedua-dua bunyi ini. Daripada data yang dikumpulkan, didapati pasangan minimal untuk sesuatu kata dapat dibezakan melalui kedua-dua fonem ini. Contohnya:

Erti	Variasi Melayu		
	Kuching	Saribas	Sekadau
Kerak nasi	kəyak	kəyak	kəyak
Kera	kəyaʔ	kəyaʔ	kəyaʔ
Lemak	ləmak	ləmak	ləmaŋk
Lama	lamaʔ	lamaʔ	lamaʔ

/ŋ/ Berubah Menjadi /n/

Dalam ketiga-tiga variasi Melayu yang dikaji, jika sesuatu kata yang berakhir dengan /ŋ/ dan diikuti dengan bunyi vokal tinggi /i/, maka bunyi nasal velar akhir /ŋ/ akan mengalami peninggian, iaitu menjadi /n/. Jika vokal yang mengikutinya ialah vokal rendah, tiada perubahan yang berlaku. Contohnya:

Erti	Variasi Melayu		
	Kuching	Saribas	Sekadau
Cacing	cacin	cacin	cacin
Jering	jəyin	jəyin	joyin
Kuning	kunin	kunin	kunin

2. Persamaan Kosa Kata

Persamaan kosa kata ketiga-tiga variasi Melayu ini ditinjau daripada empat aspek, iaitu (i) bahagian

anggota badan, (ii) Flora dan Fauna, (iii) Kata Sifat dan (iv) Kata Bilangan

a. Bahagian Anggota Badan

Erti	Variasi Melayu		
	Kuching	Saribas	Sekadau
Kepala	palaʔ	palaʔ	palaʔ
Darah	dayah	dayah	dayah
Muka	muka	mukə	muka
Hidung	idong	iduwəŋ	idoʔŋ
Kulit	kulit	kulit	kulit
Pusat	pusat	pusat	pusat
Tulang	tulaŋ	tulaŋ	tulaŋ
Dada	dada	dadə	dada
Kaki	kaki	kaki	kaki
Betis	bətis	bətis	bətis

b. Flora dan Fauna

Erti	Variasi Melayu		
	Kuching	Saribas	Sekadau
Anjing	asuʔ	asuʔ	asuʔ
Kera	kəyaʔ	kəyaʔ	kəyaʔ
Ikan	ikan	ikan	ikan
Burung	buʔoŋ	buʔoŋ	buʔoʔŋ
Ayam	manok	manok	manəŋk
Buah	buah	buah	buah
Nangka	naŋkaʔ	naŋkaʔ	naŋkaʔ
Rumput	ɣumput	yumput	yumput
Paku	pakuʔ	pakəwʔ	pakəw
Betis	bətis	bətis	bətis

c. Kata Sifat

Erti	Variasi Melayu		
	Kuching	Saribas	Sekadau
Besar	bəsəy	bəsəy	bəsəy
Kecil	kəciʔ	kəciʔ	kəciʔ
Berat	bəyat	bəyat	bəyat
Asap	asap	asap	asap
Hitam	itam	itam	itam
Merah	miyah	miyah	miyah
Kuning	kunin	kunin	kunin
Pendek	pandak	pandak	pandak
Ngilu	ŋiluʔ	ŋiluʔ	ŋiluʔ
Tebal	təbal	təbal	təbal

d. Kata Bilangan

Erti	Variasi Melayu		
	Kuching	Saribas	Sekadau
Sebiji	sigi?	sigi?	sigi?
Seekor	siku?	siku?	siku?
Satu	satu	satu	Satu (suti?)
Dua	dua	dua	dua
Tiga	tiga	tiga	tiga
Empat	mpat	mpat	mpat
Lima	lima?	lima?	lima?
Enam	nam	nam	nam
Tujuh	tujoh	tujuoh	tujuh
Lapan	lapan	lapan	lapan
Sembilan	səmilan	səmilan	səmilatn
Sepuluh	səpuluh	səpuluh	səpuluh

PERBINCANGAN

Jika menurut hujah Chambers & Trudgill (1990), iaitu faktor geografi menyumbang kepada pembentukan dialek, kita dapat merumuskan bahawa perbezaan yang wujud pada variasi-variasi Melayu adalah disebabkan oleh faktor geografi. Dalam erti kata lain, keberadaan ketiga-tiga variasi Melayu di kawasan geografi yang berlainan memungkinkan pembentukan variasi yang tersendiri (dan juga terminologinya). Halangan geografi ini juga telah mengekang variasi-variasi ini daripada saling berinteraksi. Satu soalan yang perlu dijawab ialah mengapa variasi Melayu Kuching dan Saribas (Sarawak) memaparkan persamaan dengan variasi Melayu Sekadau (Kalimantan Barat, Indonesia) sedangkan selama ini tiada hubungan migrasi atau perdagangan antara Kuching-Saribas dengan Sekadau.

Untuk mengetahui hubungan sesuatu bahasa, aspek pertama yang perlu diselidiki ialah hubungan sejarah. Jika dilihat daripada segi sejarah, tiada sebarang sejarah migrasi dalam kalangan penduduk Melayu Sekadau dengan Kuching dan Saribas, baik dalam catatan kolonial mahupun sastera lisan. Ini berbeza dengan komuniti Melayu di Kuching dan Saribas yang saling berinteraksi kerana berada di kontinum politik yang sama dan kedua-dua kawasan ini boleh dicapai melalui pengangkutan laut atau darat. Sekadau, bukan sahaja terletak jauh dari Kuching dan Saribas, juga berada di sempadan politik yang berlainan (iaitu Republik Indonesia).

Sesungguhnya, suku Melayu di Borneo Barat tidak seperti suku lain yang pernah dicatatkan

melakukan migrasi secara besar-besaran. Contohnya suku Iban didapati bermigrasi dari Kapuas Hulu ke perairan Batang Lupar dan kemudian tersebar ke arah timur dan barat Sarawak secara bertahap-tahap; lihat Padoch (1982). Sehubungan dengan itu, kesamaan dan perbezaan yang ditonjolkan pada variasi Melayu Sekadau, Kuching dan Saribas perlu dijelaskan daripada sudut linguistik sejarawi. Dalam erti kata lain, persamaan antara variasi-variasi Melayu di Borneo bukan disebabkan terdapat hubungan sosial dalam kalangan penutur-penuturnya. Sebagai contoh, variasi Melayu di Pulau Tioman sangat dekat hubungan dengan variasi Melayu Kuching, tetapi daripada segi hubungan sosial, penuturnya lebih akrab dengan penduduk di negeri Pahang daripada dengan Sarawak (lihat Collins 1987), kerana jarak Pulau Tioman lebih dekat dengan Pahang.

Fenomena persamaan dan hubungan antara variasi-variasi Melayu di Borneo Barat mungkin dapat dijelaskan dengan menelusuri aspek Bahasa Melayik Purba. Dalam makalah ini, teori Nothofer (1997) dipilih sebagai landasan perbincangan. Semasa membuat kajian ke atas dialek Melayu Bangka, Nothofer mendapati bahawa variasi Melayu yang tersebar jauh dari Pulau Borneo, menunjukkan inovasi linguistik yang sama dengan variasi di Borneo Barat (misalnya variasi Melayu Sarawak, bahasa Kedayan, bahasa Selako, bahasa Iban) dan juga bahasa di Pulau Tioman. Kesemua bahasa ini memperlihatkan persamaan inovasi fonologis daripada Bahasa Melayu Purba, misalnya:

1. BMP *-r menjadi ? secara tidak teratur,
2. BMP *-l menjadi -?,
3. Penambahan -? di kata yang berakhir dengan vokal,
4. Kadang-kadang -? daripada -h sebagai refleksi BMP *-h.

Menurut hipotesis beliau, inovasi ini terjadi pada suatu bahasa purba ketika semua isolek ini belum berpisah, iaitu masih merupakan satu bahasa. Bahasa Purba ini dikenal pasti terletak di bahagian Barat Laut Borneo kerana kawasan ini berdiversiti daripada segi ragam isolek Melayu atau variasi yang berkerabat erat dengan bahasa Melayu. Dialek Melayu Pulau Bangka yang dikaji Nothofer dipercayai berasal dari Borneo Barat Laut kerana memaparkan persamaan dengan bahasa di daratan Borneo Barat. Penuturnya dipercayai berpindah ke Pulau Bangka pada era penghijrahan suku Austronesia, iaitu kira-kira seribu lima ratus tahun yang lalu (Nothofer 1997).

Berdasarkan teori Nothofer, terdapat satu rantaian bahasa yang terbentuk di Borneo Barat yang dinamakan sebagai Rantaian Bahasa-bahasa Borneo Barat. Rantaian ini menjalar ke luar Pulau Borneo, iaitu ke Pulau Bangka, Natuna dan Tioman. Bahasa ini merangkumi bahasa-bahasa Melayik dan diperturunkan daripada satu bahasa induk purba, iaitu Bahasa Melayik Purba. Dalam konteks Borneo Barat, turunan daripada bahasa Melayik Purba yang menunjukkan ciri inovasi seperti yang dinyatakan oleh Nothofer (1997) di atas dinamakan sebagai Bahasa-bahasa Borneo Barat. Penutur Bahasa Melayik Purba ini kemudian secara beransur-ansur tersebar ke berbagai tempat di Borneo Barat. Di tempat pertapakan baru, bahasa mereka berkembang menjadi variasi tersendiri kerana pengaruh daripada bahasa-bahasa lain dan persekitaran. Ini seperti yang dinyatakan oleh Nothofer (1997) iaitu:

“...makin lama sesuatu daerah dihuni, makin berkeanekaragaman isoleknya”. Variasi Melayu Bangka memaparkan kelainan tetapi mengekalkan ciri linguistik yang sama dengan bahasa Melayik lain di Borneo Barat membuktikan wujudnya migrasi purba keluar dari Borneo Barat ke pulau berkenaan”.

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan, fenomena kebersamaan antara variasi Melayu di Borneo Barat tidak boleh dijelaskan sepenuhnya daripada perspektif hubungan sosial yang kontemporari. Dalam hal ini, aspek linguistik sejarah turut penting. Setelah puluhan tahun ahli linguistik Austronesia merekonstruksi bahasa induk Austronesia, kita sudah mempunyai banyak maklumat linguistik yang boleh dijadikan panduan. Untuk menjawab isu persamaan linguistik Melayu di Borneo Barat yang bukan dipengaruhi oleh faktor geografi, Bahasa Melayik Purba yang direkonstruksi sesungguhnya menyumbang teori asas untuk penjelasan ini. Dalam hal ini, Bahasa Melayik Purba diandaikan berpisah secara beransur-ansur setelah migrasi purba yang berlaku selama beribu-ribu tahun dan tersebar di merata-rata tempat di Borneo Barat. Kepelbagaian variasi bahasa yang kita saksikan hari ini diandaikan terbentuk secara kronologi yang pada akhirnya mengembang menjadi variasi tersendiri. Sesungguhnya, dalam rantaian Bahasa Melayu Borneo Barat terkandung ratusan variasi-variasi Melayik (baik yang dinamakan sebagai variasi Melayu ataupun bahasa Dayak). Kadar bahasa yang berdiversiti tinggi di Borneo Barat telah melahirkan teori Borneo sebagai tanah asal bahasa Melayu. Teori ini dipelopori oleh

ahli linguistik seperti Collins (2006), Blust (1994) dan Adelaar (1992). Collins (2006) umpamanya mengetengahkan teori *center of gravity* untuk memperjelaskan hipotesis ini. Menurut beliau, di daerah yang bervariasi tinggi daripada segi bahasa, tempat tersebut layak dipertimbangkan sebagai tanah leluhur sesuatu bahasa. Untuk kes bahasa Melayu, oleh kerana Borneo Barat terdapat sebegitu banyak variasi bahasa Melayik, maka kawasan ini sesuai dipertimbangkan sebagai tanah leluhur bahasa Melayu. Tempat lain, misalnya Semenanjung Malaysia walaupun mempunyai bilangan penutur bahasa Melayu yang ramai dan terdapat bermacam-macam variasi Melayu, namun variasi-variasi ini hanyalah “dialek” di bawah satu bahasa sahaja, iaitu bahasa Melayu. Ini ternyata berbeza dengan Borneo Barat yang bukan sahaja berdiversiti daripada segi “dialek Melayu”, juga daripada segi “bahasa Melayik” (misalnya bahasa Iban, bahasa Kedayatn, bahasa Benawas, bahasa Suhaid dan sebagainya).

RUJUKAN

- Adelaar, K.A. 1992. *Proto-Malayic: The Reconstruction of its Phonology and Parts of its Lexicon and Morphology*. Pacific Linguistics, Series C, no. 119. Canberra: The Australian National University.
- Blust, R.A. 1994. The Austronesian settlement of mainland Southeast Asia. Dlm. *Papers from the Second Annual Meeting of the Southeast Asian Linguistics Society*, disunting oleh Adams, K.L. & Hudak, T.J., 25-83. Tempe Ar.: Program for Southeast Asian Studies, Arizona State University.
- Chambers, J.K. & Trudgill, P. 1990. *Dialektologi*. Terj. Annuar Ayob. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chong Shin. 2009. Dialek-dialek Melayu di Lembah Baram. *IMAN: Jurnal Alam dan Tamadun Melayu* 27 (2): 59-71.
- Chong Shin. 2012. *Pemilihan Bahasa Tionghoa Minoritas di Kota Sekadau*. Jakarta: Penerbit ATMAJAYA.
- Collins, J.T. 1987. *Dialek Melayu Sarawak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Collins, J.T. 1994. Preliminary notes on Berau Malay. Dlm. *Shifting Patterns of Language Use in Borneo*, disunting oleh P. Martin, 297-334. Williamsburg: Borneo Research Council Inc.
- Collins, J. T. 2006. Homelands and the homeland of Malay. Dlm. *Borneo as the Homeland of the Malays*, disunting oleh Collins, J.T. & Awang Sariyan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jaludin Haji Chuchu. 2003. *Dialek Melayu Brunei dan Salasilah dalam Bahasa Melayu Purba*. Bangi: Penerbit UKM.
- Jehom, J. W. 1999. Ethnicity and ethnic identity in Sarawak. *Akademika* 55: 83-98.
- Keppel, H. 1846. *The Expedition to Borneo of H.M.S. Dido for the Suppression of Piracy*. Volume II. London: Chapman and Hell.
- Mohammed Azlan Miz. 2010. Pilihan bahasa dan lingua franca suku kaum di Sarawak. *Jurnal Bahasa* 10(1): 1-17.

Nothofer, B. 1994. The languages of Brunei Darussalam. Dlm. *Papers in Austronesian Linguistics*, No. 11: 151-176. *Pacific Linguistics*.
Nothofer, B. 1996. Migrasi orang Melayu Purba: Kajian Awal. *Sari* 14: 33-53.

Nothofer, B. 1997. *Dialek Melayu Bangka*. Bangi: Penerbit UKM.
Padoch, C. 1982. *Migration and Its Alternatives Among the Iban of Sarawak*. Instituut voor Taal-, Land-, en Volkenkunde, Verhandelingen 98, Martinus Nijhoff, Leiden.
Pringle, R. 1970. *Rajahs and Rebels: The Ibans of Sarawak under Brooke Rule, 1841-1941*. Macmillan, London.

Chong Shin (Ph.D)
Institut Alam dan Tamadun Melayu
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600, Bangi
Selangor D. E.
Emel: chongshin@ukm.edu.my

Diserahkan: 29 April 2020
Diterima: 26 Ogos 2019